

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 DECEMBER 2016

'HADIAH BERMAKNA' TUN MUNTUK DAP



**ZULKIFLEE
BAKAR**

zulkiifleebakar@gmail.com

FIKIRKAN kenyataan ini: **Oktober 1988** - "Mereka mempunyai dan mempraktikkan perakuan yang tebal. Pemimpin-pemimpin mereka menghina orang Melayu dan UMNO dan membuat tuduhan melulu terhadap UMNO dan kerajaan Barisan Nasional. Mereka adalah musuh ketat kepemimpinan Melayu dan UMNO. Mereka mendukung 'Malaysian Malaysia' yang akan membelakangkan orang Melayu."

"Dengan konsep ini mereka akan menguasai segala-galanya pelajaran, perniagaan, politik, sosial dan lain-lain. Dan orang Melayu akan diketepi dan ditekan seperti di masa orang Melayu djajah dahulu."

2016 : "Saya ingin nyatakan pandangan saya dahulu terhadap DAP tidak betul..."

Kedua-dua kata-kata dilafazkan pemimpin yang sama iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan ditujukan kepada parti yang sama iaitu DAP. Petikan pertama ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO 1988 sebagai Presiden parti itu manakala kedua, kelmarin apabila menghadiri Persidangan Kebangsaan DAP 2016 di Shah Alam.

Kehadiran Dr. Mahathir di persidangan itu dan duduk sebentar dengan beliau kerana sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Dr. Mahathir sering mengingatkan orang Melayu mengenai ancaman politik DAP kepada mereka.

Secara kebetulan salah satu klip video yang mengiringi ucapan penggulungan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak di perhimpunan agung parti itu Sabtu lalu ialah pendedahan kenyataan seorang bekas pemimpin DAP yang



DR. MAHATHIR MOHAMAD (dua kiri) bersama Lim Kit Siang (kiri) dan Lim Guan Eng (kanan) mengadakan sidang akhbar semasa Persidangan Parti DAP 2016 yang berlangsung di Shah Alam, Selangor, kelmarin. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

parti itu mahu memperkudakan Dr. Mahathir bagi menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri.

Dan semalam Dr. Mahathir merendahkan martabatnya sebagai negarawan apabila menghadiri persidangan DAP yang dianggap Setiausaha Agung parti itu, Lim Guan Eng sebagai satu sejarah. Dr. Mahathir 'diberi penghormatan' untuk duduk sebaris di pentas utama mewakili Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Sudah pastilah apa yang dilakukan bekas Perdana Menteri itu membangkitkan rasa bangga pemimpin, penyokong dan ahli DAP.

Ini kerana akhirnya seorang tokoh yang sepanjang 22 tahun pemerintahannya menyeru orang Melayu berwaspada dengan politik DAP, akhirnya dilihat 'tunduk' dan 'menyembah' parti itu semata-mata mahu melunaskan dendam politiknya. Tidak kiralah apapun alasan Dr. Mahathir tetapi kesediaan menghadiri persidangan DAP secara tidak langsung menunjukkan beliau mengiktiraf dasar dan perjuangan DAP. Ternyata keinginan membuak-buak ingin menjatuhkan Najib menyebabkan Dr. Mahathir sudah tidak lagi memikirkan kesannya kepada orang Melayu dan umat Islam. Sebagai seorang tokoh politik yang pernah berperang habis-habisan dengan DAP, Dr. Mahathir sudah tentu tahu

bagaimana corak politik DAP.

Tetapi Dr. Mahathir sudah tidak peduli itu semua, siapa sahaja yang bersedia bersama beliau bagi melunaskan agenda peribadinya untuk menjatuhkan Najib akan dirangkul manakala siapa yang menolak berbuat demikian dianggap 'makan dedak'.

Atas sebab itulah beliau sanggup menghina dirinya apabila mengakui segala pandangannya terhadap DAP selama ini adalah salah. Persoalannya, apakah selepas berpuluh-puluh tahun menjadi musuh politik DAP baru sekarang Dr. Mahathir mengaku beliau silap tentang parti itu?

Justeru kita juga berhak bertanya, apakah selama ini khususnya ketika menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO perjuangan beliau untuk memartabatkan orang Melayu dan mengesakan rakyat Malaysia menolak politik DAP juga satu kesilapan?

Ternyata Dr. Mahathir sekarang bukan seperti Dr. Mahathir dahulu. Beliau sanggup mengorbankan segala legasi dan kehebatannya membangunkan negara serta memartabatkan bangsa dengan 'tunduk' kepada DAP. Bagi DAP, mungkin inilah 'hadiah bermakna' sempena genap 50 tahun penubuhan parti itu tahun ini.

Melalui kehadiran Dr. Mahathir, ia akan mengukuhkan lagi kedudukan parti itu sebagai 'tai-

ko' dalam pakatan pembangkang. DAP tidak perlu bimbang apa-apa kerana Dr. Mahathir hanya mewakili sebuah parti kecil, tetapi boleh diperalatkan untuk meraih sokongan orang Melayu.

Dr. Mahathir berkata, DAP sudah membuat perakuan tidak mahu jawatan Perdana Menteri. Memang benar DAP tidak berminat menjadi Perdana Menteri, tetapi bekas Perdana Menteri itu jangan lupa apa yang berlaku di Perak ketika pakatan pembangkang memerintah seketika selepas pilihan raya umum 2008.

Semua orang tahu, bagaimana corak pemerintahan pakatan tersebut yang pemimpin Pas diletakkan sebagai Menteri Besar biarpun DAP menang lebih banyak kerusi. Apapun jelaslah walaupun Dr. Mahathir pernah menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun dan menerajui BN mempertahankan kuasa dengan majoriti dua pertiga sepanjang kepemimpinannya, tetapi akhirnya DAP juga yang lebih bijak mengambil kesempatan.

Ini memandangkan Dr. Mahathir pernah berkata; "Sekarang kerana perpecahan dalam kalangan orang Melayu, DAP nampak peluang mereka untuk mencapai *dominance* sudah muncul. Dengan itu mereka begitu rajin bekerjasama dan memberi sokongan kepada kumpulan serpihan UMNO untuk melemahkan UMNO, kerajaan BN dan kedudukan orang Melayu."

Ketika Dr. Mahathir sudah mengaku segala pandangan mengenai DAP salah, adakah pemimpin DAP akan bersedia membuat pengakuan yang sama terhadap kecaman mereka terhadap bekas Perdana Menteri itu selama ini termasuk menganggap beliau adalah pemimpin paling rasis, diktator dan kata-kata buruk lain? Kalau DAP tidak berbuat demikian, tiada apa yang harus dihairankan kerana Dr. Mahathir hanya membuktikan kebenaran peribahasa Melayu, "marahkan nyamuk, kelambu dibakar", "menang sorak kampung tergedai" dan mengesahkan kenyataan beliau, "Melayu mudah lupa".